

Harian Ekspres- 6 Mei 1998

UMS ⁷⁰⁰⁰⁰
anjur ^{ekspres}
^{6 Mei}
¹⁹⁹⁸
seminar
rumpai
laut

KOTA KINABALU: Unit Penyelidikan Marin Borneo, dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan satu seminar berhubung rumpai laut dengan memberi tumpuan ke atas kepentingan tumbuhan laut, khususnya rumpai laut, di kampus UMS Jalan Tuaran pada 12 Mei.

Menurut satu kenyataan UMS pada Selasa, seminar bertajuk "Pembiakan Rumpai Laut, Pengeluaran Bahan-Bahan Mentah dan Kesesuaian Makanan dan Bukan Makanan Rumpai Laut" akan diadakan di bilik multimedia, tingkat empat, bangunan utama, bermula jam 8.30 pagi.

Pelancaran seminar akan dilakukan oleh Antonio Rizalde V Veloso dari Perbadanan MCPI (Cebu, Filipina), syarikat yang merintis pembiakan rumpai laut di Filipina.

Beliau juga adalah seorang perunding di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk pembiakan rumpai laut di Semporna.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH